SURUHANJAYA
KOPERASI
Malaysia

# PERAKUAN PENDAFTARAN
# PINDAAN KEPADA UNDANG-UNDANG KECIL

*Adalah dengan ini diperakukan bahawa pindaan undang-undang kecil*

***9(1)***

***KOPERASI NEW STRAITS TIMES PRESS (MALAYSIA) BERHAD***

*telah didaftarkan di bawah*

*subseksyen 18(3) Akta Koperasi 1993.*

*Ditandatangani dan dimeteraikan pada hari ini*

***dua puluh tiga** haribulan **Oktober** tahun **dua ribu dua puluh empat.***

| | |
|---|---|
| **(LEFTENAN JENERAL DATUK AHMAD NORIHAN BIN JALAL (B))** | **(ROZDEEN BIN MOHD JAAFAR)** |
| ***Pengerusi*** | ***Setiausaha Lembaga*** |
| ***Suruhanjaya Koperasi Malaysia*** | ***Suruhanjaya Koperasi Malaysia*** |

*No. Daftar:* ***4369***
*Ruj:* ***SKM.IP.(PEND)W-49/(55)***

**PINDAAN UNDANG-UNDANG KECIL**
**KOPERASI NEW STRAITS TIMES PRESS (MALAYSIA) BERHAD**

| UNDANG-UNDANG KECIL ASAL | UNDANG-UNDANG KECIL PINDAAN |
|---|---|
| **Aktiviti**<br><br>9. (1) Bagi mencapai matlamat dan fungsi yang tersebut di dalam Undang-undang Kecil 7 amnya dan 8 khasnya, Koperasi boleh, tertakluk kepada peruntukan Akta dan Peraturan -<br>(a) menjalankan aktiviti-aktiviti berikut<br>(i) mengadakan kemudahan untuk membolehkan anggota menyimpan sebahagian daripada pendapatannya dan memberi pinjaman-pinjaman kepada mereka bagi maksud yang berfaedah;<br>(ii) menjalankan perniagaan pasar mini; | **Aktiviti**<br><br>9. (1) Bagi mencapai matlamat dan fungsi yang tersebut di dalam Undang-undang Kecil 7 amnya dan 8 khasnya, Koperasi boleh, tertakluk kepada peruntukan Akta dan Peraturan -<br>(a) menjalankan aktiviti-aktiviti berikut<br>(i) mengadakan kemudahan untuk membolehkan anggota menyimpan sebahagian daripada pendapatannya dan memberi pinjaman-pinjaman kepada mereka bagi maksud yang berfaedah;<br>**(ii) pemborongan dan peruncitan seperti kedai runcit, pasaraya dan pusat pemborongan;** |

Didaftarkan pada hari ini 23 haribulan oktober tahun 2024

(LEFTENAN JENERAL DATUK AHMAD NORIHAN BIN JALAL (B))
Pengerusi
Suruhanjaya Koperasi Malaysia

| UNDANG-UNDANG KECIL ASAL | UNDANG-UNDANG KECIL PINDAAN |
|---|---|
| | (viii) pertanian dan industri asas tani iaitu dengan mewujudkan projek asas tani, penternakan, pembekal produk pertanian;<br><br>(ix) permit / lesen eksport;<br><br>(x) perladangan seperti pembelian atau pemilikan tanah untuk perladangan;<br><br>(xi) pembangunan hartanah dan industri pembinaan seperti jual beli tanah, bangunan dan perumahan, membekal bahan binaan untuk projek bangunan dan perumahan, serta mendapatkan perolehan tender kerajaan;<br><br>(xii) perniagaan automatif dan bermotor;<br><br>(xiii) perniagaan restoran, kopitiam atau katering; |

| UNDANG-UNDANG KECIL ASAL | UNDANG-UNDANG KECIL PINDAAN |
| --- | --- |
| | **(xiv) rundingan dan kerjasama dengan pihak kerajaan untuk mendapatkan perolehan tender / sebutharga / permit / lesen; dan** |
| | **(xv) sewaan premis dan bangunan dan lain-lain perniagaan seperti dobi, stesen minyak, pembekal barangan hospital, taska, tadika dan industri kecil sederhana;** |
| (b) menjalankan aktiviti kebajikan dan pendidikan anggota; | (b) menjalankan aktiviti kebajikan dan pendidikan anggota; |
| (c) membeli, menjual, memindahkan hak milik, mendirikan, menyewa, mencagar, memajak, menggadai dan memiliki harta-harta alih dan harta-harta tak alih; | (c) membeli, menjual, memindahkan hak milik, mendirikan, menyewa, mencagar, memajak, menggadai dan memiliki harta-harta alih dan harta-harta tak alih; |
| (d) melaburkan wang berlebihan dalam perkara-perkara yang di benarkan di bawah seksyen 54 Akta; | (d) melaburkan wang berlebihan dalam perkara-perkara yang di benarkan di bawah seksyen 54 Akta; |

| UNDANG-UNDANG KECIL ASAL | UNDANG-UNDANG KECIL PINDAAN |
|---|---|
| (e) mengadakan subsidiari di bawah seksyen 19 Akta dengan kebenaran Suruhanjaya;<br><br>(f) menyertai usahasama dan menjadi anggota kepada koperasi-koperasi lain. | (e) mengadakan subsidiari di bawah seksyen 19 Akta dengan kebenaran Suruhanjaya; dan<br><br>(f) menyertai usahasama dan menjadi anggota kepada koperasi-koperasi lain. |

Diakui pindaan Undang-undang Kecil ini telah dibentang, dibincang dan diluluskan di dalam mesyuarat agung perwakilan tahunan **Koperasi New Straits Times Press (Malaysia) Berhad** pada **Dua Puluh Lima** haribulan **Jun** tahun **Dua Ribu Dua Puluh Tiga.**

**(Mohd Fadzil Bin Abdul Ghani)**
**Pengerusi**

**(Abdul Rahim Bin Llin)**
**Setiausaha**

**(Fazleesham Bin Mohd Yunus)**
**Bendahari**